

12 AUG 1997

Sanusi-Pertanian

KEDAH WUJUDKAN KAWASAN PERTANIAN MODEN 4,000 HEKTAR

ALOR SETAR, 12 Ogos (Bernama) -- Kedah mengorak langkah ke arah "revolusi pertanian" dengan mewujudkan kawasan pertanian moden seluas 4,000 hektar yang akan menjadi tempat pengeluaran hasil yang utama di negara ini, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, hari ini.

Beliau berkata, ilham mewujudkan kawasan pertanian moden itu datangnya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau bercuti di London baru-baru ini.

"Semasa Dr Mahathir melawat Kolej Pertanian Diraja London, beliau tertarik dengan konsep kolej itu yang menjalankan pertanian moden sehingga hasilnya mampu membiayai gaji tenaga pengajarnya," kata Sanusi selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Beliau berkata Perdana Menteri lalu mencadangkan supaya Kedah mencontohi konsep pertanian moden itu.

Sanusi berkata kawasan pertanian itu mempunyai tempat bertanah tinggi dan rendah, ditanami pelbagai jenis tanaman dengan menggunakan teknologi moden sepenuhnya serta dikelilingi pekan-pekan yang cantik.

Sambil mentafsirkan projek itu sebagai "revolusi pertanian" beliau berkata Perdana Menteri akan diberi taklimat mengenai cadangan projek itu semasa lawatan kerja sehari beliau ke Kedah, Khamis ini.

Katanya kerajaan mempunyai tiga alternatif kawasan projek itu. Bagaimanapun ia hanya akan diumumkan selepas Dr Mahathir bersetuju dengan kawasan itu.

"Ia akan dijalankan di tanah milik kerajaan, tetapi sekiranya terpaksa melibatkan tanah persendirian, pemiliknya akan diajak turut serta," katanya.

Sanusi juga berkata kerajaan hari ini mengarahkan dua syarikat kuari di Langkawi, Pekan Kuah Kuari Sdn Bhd dan Hosnah Reality Enterprise menghentikan operasi sementara waktu kerana didapati mencemarkan alam sekitar.

Katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) diminta menjalankan kajian dan sekiranya mendapati operasi kuari memberi kesan yang teruk, arahan menamatkan terus operasi akan dikeluarkan. -- BERNAMA

MZM NMO